

25/06/1997

Kajian khas kesan alam sekitar

ALOR STAR, Selasa - Kajian khas bagi memastikan kesesuaian dan kesan alam sekitar projek lapangan terbang antarabangsa di atas tapak projek tebus guna berhampiran Kuala Muda dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia dan Alam Sekitar Negeri, Abdul Razak Hashim, berkata kajian itu dilaksanakan selepas kerajaan Kedah memberi taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan projek berkenaan, bulan lalu.

Menurutnya, pembinaan lapangan terbang antarabangsa itu penting bagi menampung keperluan bukan saja bagi Kedah dan Perlis, malah projek Pembangunan Segitiga Indonesia/Malaysia/Thailand (IMT-GT).

"Kita percaya hasil kajian itu akan turut memberi faedah terbaik dalam usaha menjayakan rancangan yang boleh memberi manfaat besar kepada rakyat di kawasan terbabit dan sekitarnya," katanya di sini hari ini.

Abdul Razak berkata, projek itu pada dasarnya tidak akan menimbulkan masalah pencemaran seperti yang dipertikaikan pihak tertentu, termasuk Majlis Muafakat Pembangunan (MMP) yang berpusat di Sungai Petani.

"Sebenarnya, setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan sudah mengambil kira pelbagai perkara bagi menentukan pelaksanaannya tidak menimbulkan masalah, terutama pencemaran.

"Tentulah rugi jika projek yang membabitkan peruntukan berjuta-juta ringgit menimbulkan masalah kepada penduduk dan pencemaran alam sekitar," katanya.

(END)